WIKIPEDIA

Muzium Sastera

Muzium Sastera terletak di bangunan lama Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) di Melaka, Malaysia iaitu berhampiran dengan Bangunan Stadthuys.[1]

Muzium Sastera

Muzium terulung di Malaysia yang memberikan penekanan kepada sejarah penulisan dan pengkaryaan bermula dari era awal penulisan, Cerita-cerita Rakyat, Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah, Hukum Kanun Melaka, Munsyi Abdullah sehingga ke tahap perkembangan Kesusasteraan Melayu Moden.

Bahan-bahan pameran utama terdiri dari lukisan yang menggambarkan peristlwa-peristiwa penting berdasarkan petikan Sejarah Melayu dan bentuk-bentuk hukuman yang dilaksanakan menurut Hukum Kanun Melaka serta koleksi naskah manuskrip asal tulisan tangan dan seluruh pelosok dunia.

Penghormatan turut diberikan kepada penulisan berbentuk tradisional merangkumi pantun, gurindam, nazam dan puisi. Galeri Sasterawan Negara dan Penulis-penulis Melaka turut merupakan sebahagian tarikan utama untuk pelawat.

Objektif Penubuhan

Muzium Sastera - Untuk mempamer dan menggalakkan penghayatan masyarakat terhadap perkembangan dunia sastera dari dahulu sehingga sekarang serta kelahiran tokoh-tokoh kesusasteraan Melayu dengan karya yang bermutu.

Lihat juga

- Daftar muzium di Malaysia

Rujukan

1. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1007&pub=Utusan_Malaysia&sec=Selatan&pg=ws_03.htm

Wikimedia Commons mempunyai media berkaitan ***Muzium Sastera (https://commons.wikimedia.org/wiki/Category:Literature_Museum?uselang=ms)***

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Muzium_Sastera&oldid=4541661"

Laman ini kali terakhir disunting pada 17:49, 27 Februari 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.